

# Punca Penghijrahan Orang Bugis ke Tawau, Sabah

Suraya Sintang

*Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa  
Universiti Malaysia Sabah*

## Prawacana

Orang Bugis terkenal sebagai suku bangsa pelaut yang telah mengembangkan suatu kebudayaan maritim sejak beberapa abad lamanya di Indonesia. Perahu-perahu mereka dari jenis *Phinisi* dan *Lambo* telah mengharungi perairan Nusantara bahkan sehingga ke Sri Lanka, Filipina dan Australia Utara untuk berdagang. Kebudayaan maritim dari kalangan orang Bugis ini tidak hanya mengembangkan perahu layar serta kepandaian berlayar yang cukup tinggi, tetapi juga turut meninggalkan suatu hukum niaga dan pelayaran<sup>1</sup>. Warisan hukum pelayaran tertulis disebut *adek allopilopping bicara pabbulaku* yang ditulis dalam huruf *lontara* Bugis oleh Ammana Gappa pada abad ke-17 (Halilintar Lathief, 2003:18).

Orang Bugis bersifat terbuka dan sanggup meninggalkan tanahair mereka sekiranya berasa tertekan. Pergolakan yang berlaku sejak abad ke-16 di mana terjadinya serangkaian peperangan antara kerajaan-kerajaan di Sulawesi Selatan yang berterusan dengan peperangan menentang penjajah Belanda pada abad ke-19 menyebabkan ramai dari kalangan orang Bugis merantau keluar dari Sulawesi Selatan. Situasi ini dapat dilihat di kalangan orang Bugis Pagatan di Pantai Barat dan Selatan Kalimantan, di daerah-daerah Pantai Timur dan Utara Sumatera dan Pantai Barat Semenanjung Tanah Melayu. Pemilihan negeri-negeri Melayu sebagai destinasi akhir orang Bugis bukan sahaja disebabkan oleh kekacauan yang berlaku di tanahair mereka, sebaliknya kecenderungan berlayar dan meneroka dunia baru adalah antara faktor mengapa orang Bugis berserakan di merata pelusuk Alam Melayu (Mohd Akbal Abdullah & Abdullah Sulaiman, 2005: 3).

Kertas kerja ini akan meneliti fenomena penghijrahan orang Bugis di salah sebuah negeri di Malaysia iaitu di daerah Tawau, Sabah. Proses penghijrahan orang Bugis ke daerah tersebut memperlihatkan punca yang hampir serupa dengan penghijrahan orang Bugis di beberapa kawasan lain sebelumnya. Namun begitu, punca utama pemilihan Tawau sebagai lokasi penghijrahan orang Bugis pada zaman

pasca-merdeka Indonesia adalah disumbangkan oleh faktor ekonomi di mana Tawau merupakan pusat kegiatan ekonomi orang Jepun di samping pergolakan politik yang memberi tekanan dan desakan kepada mereka demi kelangsungan hidup yang lebih baik. Sememangnya kedatangan orang Bugis sedikit sebanyak membawa perubahan yang bersifat positif dan negatif terhadap budaya tempatan yang dikunjungi. Maka tidak hairan sekiranya Tawau mengalami proses globalisasi hasil daripada kehadiran orang Bugis yang mewarnai kepelbagaian budaya etnik di Sabah.

### **Penghijrahan Orang Bugis Menurut Pandangan Sarjana Barat**

Kajian terhadap penghijrahan ataupun migrasi orang Bugis telah banyak dibincangkan oleh para sarjana Barat. Pada umumnya, Leonard Andaya, Christian Pelras dan Gene Ammarell mengemukakan analisa yang berbeza tentang penghijrahan orang Bugis. Leonard Andaya (1995) menggariskan kejayaan penghijrahan orang Bugis dari Sulawesi Selatan sebagai suatu pencapaian yang amat berbeza dengan situasi penghijrahan orang Makasar yang menemui kegagalan walaupun kedua-duanya berasal dari tanahair yang sama. Sifat keterbukaan orang Bugis dan kemampuan mereka beradaptasi dengan situasi tempatan di samping sokongan yang diterima dari politik kerajaan di tanah air yang baru telah menyumbang kepada pengekalannya orang Bugis di sesuatu kawasan yang dikunjungi.

Abad ke-17 dan awal abad ke-18 menyaksikan penghijrahan besar-besaran warga Sulawesi Selatan<sup>2</sup> ke Sumbawa<sup>3</sup>, Lombok, Bali, Jawa<sup>4</sup>, Sumatera<sup>5</sup>, Semenanjung Tanah Melayu<sup>6</sup> dan Borneo<sup>7</sup>. Mereka terdiri daripada mangsa peperangan dan mangsa ketidakadilan kuasa golongan bangsawan dan pemerintah. Penghijrahan orang Bugis ke Tanah Melayu dan Sumatera disifatkan sebagai satu catatan kejayaan orang Bugis yang disumbangkan oleh faktor sejarah dan keunikan daya inovasi orang Bugis. Para pemimpin Bugis tidak menjadi ancaman kepada para penguasa tempatan dan syarikat perdagangan Eropah. Kemampuan mereka mencipta kejayaan dalam sistem pentadbiran yang berasaskan keberkesanan dan kecekapan dalam institusi politik orang Bugis dan nilai-nilai budaya yang disesuaikan dengan rangka budaya tempatan adalah satu petua terhadap rahsia kejayaan mereka. Imigrasi besar-besaran dari Sulawesi Selatan ini telah memberi signifikan utama terhadap perubahan besar dalam hal politik dan demografi di seluruh Nusantara. Penghijrahan beramai-ramai orang Bugis keluar meninggalkan tanah air mereka di Sulawesi Selatan bermula pada pertengahan abad ke-17 yang pada asasnya disebabkan oleh ketidakstabilan politik. Peristiwa penghijrahan ini dikategorikan sebagai sekelompok pelarian yang pergi merantau demi mencari keselamatan di negara luar. Mereka tidak hanya dapat menyesuaikan diri dengan budaya masyarakat yang dikunjungi tetapi turut terlibat dalam perkahwinan campur dengan kerabat diraja Melayu (Leonard Andaya, 1995: 121).

Manakala Christian Pelras (1996) pula menyifatkan penghijrahan orang Bugis sebagai satu strategi pasaran ekonomi dan bukannya semata-mata untuk berdagang dan kepentingan politik seperti yang berlaku di antara tahun 1885 dan tahun 1920. Dasar strategi ekonomi yang dibangunkan oleh golongan pendatang Bugis adalah dengan cara mengusahakan tanaman ladang. Situasi ini dapat dilihat apabila ramai pendatang Bugis memulakan kerja-kerja pembukaan kawasan baru di Borneo, Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu melalui pembersihan hutan dan pembukaan ladang gambir, getah, koko, kelapa dan kelapa sawit untuk memenuhi permintaan pasaran antarabangsa yang semakin meningkat. Maka secara tidak langsung keperluan tenaga buruh yang banyak telah memberi kesempatan kepada penduduk Indonesia seperti orang Bugis, Jawa, Madura, Boyan, Banjar dan sebagainya bekerja di ladang-ladang tersebut di seluruh kawasan barat Nusantara. Di samping itu, penghijrahan orang Bugis turut bermatlamat untuk mencari penyelesaian terhadap konflik peribadi, pergolakan politik, keinginan untuk membebaskan diri dari rasa ketidakpuasan hati dengan keadaan sosial ataupun mengelakkan diri daripada segala bentuk ancaman yang melanda (Pelras, 1996: 322).

Pelras turut menyifatkan penghijrahan sebagai satu ciri yang kekal dalam kehidupan orang Bugis yang berlanjutan sehingga kini. Berdasarkan banci penduduk Indonesia tahun 1990, kira-kira 25 peratus orang Bugis mendiami kawasan luar Sulawesi sehingga bahasa Bugis menjadi bahasa ketiga tersebar luas selepas bahasa kebangsaan Indonesia dan bahasa Jawa. Pada dekad selepas perang, kebanjiran penduduk Sulawesi Selatan meningkat mengatasi kawasan penduduk lain di Indonesia. Namun di antara tahun 1969 dan 1980, bilangan penduduk Sulawesi Selatan menurun secara mendadak sehingga 8,762 orang. Peningkatan jumlah penduduk tidak berubah dan tidak meningkat walaupun daerah Polewali dan Luwu di Sulawesi Selatan dijadikan lokasi perpindahan atau lokasi transmigrasi penduduk Jawa. Situasi ini membuktikan kebanjiran penghijrahan orang Bugis bukannya disebabkan oleh kepadatan penduduk di Sulawesi Selatan ataupun kekurangan tanah subur untuk pertanian (Pelras, 1996: 320). Sebaliknya lebih dipengaruhi oleh beberapa faktor yang disebutkan di atas.

Meninjau pendapat yang dikemukakan oleh Gene Ammarell (2002) menyatakan fenomena penghijrahan orang Bugis telah menyebabkan berlakunya konflik wilayah (*regional conflict*) dan konflik etnik yang dikunjungi dan didiami oleh orang Bugis. Konflik yang dicetuskan oleh orang Bugis dapat dilihat dalam sejarah penghijrahan orang Bugis di beberapa wilayah Indonesia terutamanya di bahagian Timur Timor, Barat Timor, Ambon, Sulawesi Tengah dan Irian Jaya (Papua Barat). Sememangnya para pendatang Bugis telah memperlihatkan kemampuan mereka dalam mendominasi ekonomi dan berasimilasi dengan budaya tempatan. Bahkan, pendatang Bugis ini turut membina semula strata sosial yang berasaskan kepada identiti budaya dan adat kepercayaan orang Bugis itu sendiri. Berasaskan kepada

identiti budaya orang Bugis, ianya diserapkan dalam kehidupan seharian orang tempatan yang melibatkan aspek ekonomi, politik dan sosio-budaya tempatan. Dalam sesetengah keadaan, penyerapan dan penggabungan budaya ini telah mengakibatkan teretusnya konflik etnik dan konflik agama sehingga menyebabkan beribu-ribu pendatang dan sebahagian besar yang telah menjadi penduduk tetap dari kalangan orang Bugis melarikan diri dari pergolakan yang berlaku (Gene Ammarell, 2002: 51-52).

Pola penghijrahan yang berlaku pada abad ke-17 disifatkan sebagai '*massapa dalle*' atau mencari rezeki demi jaminan kehidupan yang lebih baik. Pada kebiasaannya, para pendatang Bugis ini akan bergerak dalam satu kumpulan yang rata-ratanya terdiri dari kaum keluarga dan keturunan yang sama. Kumpulan ini biasanya dipimpin oleh segolongan bangsawan yang membawa bersama identiti budaya dan struktur politik dan ekonomi serta model sosial yang tersendiri yang kemudiannya diserapkan dalam kehidupan masyarakat tempatan. Adalah dipercayai apabila orang Bugis telah mengetahui dan memahami amalan budaya dan upacara keagamaan masyarakat setempat, maka orang Bugis akan menyesuaikan dengan *ade*' Bugis (adat bugis) dan cuba berusaha untuk melaksanakannya dan menyebarkan dalam kehidupan masyarakat sekeliling. Situasi ini dapat dilihat apabila para pendatang Bugis berjaya menguasai pasaran tempatan dan pada masa yang sama turut mengeneipkan peranan penduduk tempatan di wilayah Timur dan Barat Timor, Ambon dan Irian Jaya (ataupun kini dikenali Papua Barat). Atas sebab itu, para pendatang Bugis dianggap oleh penduduk tempatan sebagai penceroboh yang telah merampas kuasa monopoli ekonomi dan politik mereka. Sebagai contoh, di Dili ibu negeri wilayah Timur Timor, pada tahun 1990an hampir 80% daripada peniaga di pasar utama terdiri daripada orang Bugis. Manakala di Ambon sebagaimana yang dinyatakan oleh Gene Ammarell (2002: 60-61), pedagang Bugis dan pendatang Muslim lain mula mendirikan masjid di persekitaran kediaman masyarakat Kristian dan turut memegang jawatan penting dalam sektor kerajaan. Namun demikian pada awal tahun 1999, ramai dari kalangan orang Bugis mula meninggalkan wilayah tersebut dan kembali semula ke tanah air mereka dan sebahagian yang lain meneruskan penghijrahan mereka mencari nasib yang lebih baik di wilayah Irian Jaya, Kalimantan dan beberapa wilayah lain di Indonesia (Gene Ammarell, 2002: 61).

Berdasarkan analisa yang dikemukakan oleh sarjana Barat tersebut, dapat dirumuskan bahawa penghijrahan orang Bugis di rantau Alam Melayu telah bermula sejak abad ke-17 yang tertumpu di wilayah Sumatera, Semenanjung Tanah Melayu dan Borneo. Punca penghijrahan secara umumnya adalah bertujuan untuk mencari kehidupan dan sumber pendapatan yang lebih baik. Sesetengah masyarakat tempatan menerima baik kehadiran orang Bugis namun tidak dinafikan sesetengah masyarakat tempatan berasa kurang senang kerana merasakan seolah-olah hak mereka telah

dirampas dengan kedatangan mereka. Apapun punca dan kesan penghijrahan orang Bugis di beberapa wilayah tadi, turut menjelaskan dan memberikan kesan yang sama di kalangan orang Bugis di Tawau, Sabah.

### **Sejarah Perkembangan Kawasan Penempatan Awal di Tawau**

Daerah Tawau yang bermula daripada sebuah perkampungan nelayan dengan hanya kira-kira 200 orang penghuni pada tahun 1892 terdiri dari kalangan imigran Bolongan dan Tawi-Tawi (Indonesia) dipercayai melarikan diri dari kekuasaan Belanda di Kalimantan, Borneo. Perkampungan kecil yang dibina ini mengekalkan hubungan dagang dengan pihak Belanda. Pada Februari 1893, kapal '*Normanhust*' belayar menuju ke Tawau (*Tawao*) buat pertama kali dengan dipenuhi barang kargo untuk ditukarkan kepada rotan dan getah. Menurut catatan *The North Borneo Annual Volume* (1955-1965) hanya pada tahun 1898, penempatan pertama dibina di Tawau di mana imigran Cina dipercayai mula mendiami kawasan tersebut. Tiga puluh tahun berikutnya, pertambahan penduduk dapat dilihat yang dianggarkan berjumlah seramai 1,840 orang pada tahun 1931. Pada tahun tersebut, Tawau mula membangun sebagai pusat pertanian apabila dua ladang besar mula beroperasi iaitu Kuhara Estet dan Kubota Estet yang masing-masing mengusahakan ladang getah dan ladang kelapa. Terdapat kira-kira 300 orang Jepun berkerja di estet tersebut dan 100 orang lagi di Pulau Si Amil. Perkembangan Tawau sebagai sebuah pekan kecil bermula apabila sebanyak 60 buah rumah kedai dari papan kayu dibina di sepanjang jalan utama Tawau iaitu Dunlop Street (sempena nama pegawai daerah) dan Man Cheong Street iaitu sebuah kedai kopi yang terkenal pada ketika itu. Pembangunan seterusnya disusuli dengan pembinaan pejabat daerah, stesyen polis, rumah kerajaan yang kesemuanya dibina tidak melebihi dua tingkat (Frederick Lo. t.t. : 1).

Setelah Kesultanan Sulu menyerahkan kawasan di persekitaran Tawau yang wujud pada masa kini kepada pihak Inggeris dengan termetrainya perjanjian yang ditandatangani pada 22 Januari 1878, Tawau menjadi sebahagian daripada kawasan jajahan Inggeris dibawah kekuasaan Syarikat Berpiagam Borneo Utara. Oleh kerana Tawau berkongsi sempadan dengan Indonesia, pihak pemerintahan Inggeris telah mengambil langkah untuk menetapkan sempadan agar perselisihan faham dengan kekuasaan Belanda yang memerintah Indonesia pada masa tersebut tidak timbul disebabkan sempadan asal bagi kawasan yang diserahkan kepada pihak Inggeris oleh kedua-dua Kesultanan Brunei dan Sulu ialah di bawah Sungai Sibuko berdekatan dengan Tarakan (Indonesia) yang mana kawasan tersebut termasuk di bawah pemerintahan Belanda yang ketika itu telah menjadi kawasan penempatan. Berikutan dengan itu, satu Suruhanjaya Sempadan telah ditubuhkan pada tahun 1912 yang terdiri daripada pegawai-pegawai dari United Kingdom dan Netherlands. Satu Laporan Bersama telah disediakan beserta dengan peta dan ditandatangani oleh Pesuruhjaya masing-masing di Tawau pada 17 Februari 1913. Kemudian

disusuli dengan upacara protokol perjanjian di antara United Kingdom dengan Netherlands yang ditandatangani di London pada 28 September 1915 di mana kedua-dua kerajaan mengesahkan laporan bersama dan peta tersebut (*Risalah Perpustakaan Wilayah Tawau*, t.t: 7).

K. J. Goodlet (1977: 12) menyatakan orang Arab, Melayu, Ilanun, Bugis, Cina dan beberapa bangsa lain telah berhijrah ke Borneo kerana sungai-sungai di Borneo dapat memberi perlindungan dari serangan lanun. Namun demikian, Tawau yang wujud pada ketika itu tidak seperti kawasan Borneo yang lain kerana sungai-sungai di Tawau tidak cukup besar untuk berlindung daripada lanun. Lokasi asal-usul penempatan awal Tawau mula muncul di bahagian selatan Tawau yang agak jauh daripada kepulauan Sulu dilitupi oleh sungai-sungai menghala dari sungai Sibuko menuju ke Sesayap dan Sungai Bolongan serta Sungai Barau. Sungai-sungai ini menampung penduduk yang lebih ramai daripada kawasan di sekeliling bandar Tawau yang memberi jaminan kestabilan politik yang lebih baik. Terdapat dua kerajaan di kawasan sungai ini iaitu kerajaan Tabor yang menguasai Sungai Barau dan kerajaan Bolongan-Tarakan di Sungai Bolongan. Kerajaan Bolongan-Tarakan kemudiannya menuntut kekuasaan di seluruh kawasan pantai utara Tanjong Batu termasuk pusat bandar Tawau yang wujud pada masa ini. Kawasan penempatan yang tertua dan terbesar ialah Kampung Kalabakan yang diketuai oleh Menteri kerajaan Bolongan-Tarakan yang menggunakan gelaran Haji Serana.

Asal-usul Kalabakan agak kabur. Adalah dipercayai sejak dari awal orang Tidong telah berpindah dari Bolongan mencari untung nasib dan mencari makan di tempat ini. Mereka dipercayai menjalankan perdagangan bertukar barang dengan orang Cina yang menjadi orang tengah di Bolongan yang membekalkan barang jualan seperti garam, tembakau, pakaian dan ditukarkan dengan hasil hutan yang diperolehi dari Kalabakan. Kawasan penempatan Kalabakan yang terletak agak jauh dari pelabuhan Cowie menjadikannya kawasan yang selamat dari serangan lanun Sulu. Berdasarkan maklumat yang dicatatkan oleh K. J. Goodlet (1977: 14) daripada sumber informan yang bernama Dato Ali bin Dato Amai dan OKK Suleiman menyatakan bahawa Kalabakan adalah kampung yang tertua di daerah Tawau dan pusat kerajaan Bolongan. Penghijrahan terawal ke bahagian Selatan Tawau adalah disebabkan oleh pertelingkahan yang berlaku dalam kerajaan Bolongan-Tarakan sehingga kebanyakannya berpindah menuju ke Sungai Serudong dan Pulau Sebatik di Tawau dan menetap di sana.

Penempatan di Kalabakan yang telah didiami oleh orang Tidong menjadi sebahagian kawasan yang dikuasai oleh kerajaan Bolongan-Tarakan. Penghijrahan Datu Alun dan pengikutnya ke kawasan tersebut mungkin disebabkan masa depan Tawau yang menjanjikan suasana tempat yang lebih terjamin kerana dimiliki oleh pihak British. Perasaan anti-Belanda mula menular kerana pihak Belanda memberikan sokongan kepada parti penentang keluarga Datu Alam iaitu Kassim

Mudin. Demikian juga dengan perasaan anti-Belanda di kalangan masyarakat tempatan di bahagian barat Pelabuhan Cowie. Menurut OKK Suleiman, apabila pihak Belanda tiba di Nunukan yang terletak di bahagian selatan Pulau Sebatik, kebanyakan keluarga Suleiman melarikan diri menuju ke Kalabakan. Sebelum persempadanan dibuat antara Belanda dengan British pada tahun 1891, pihak Belanda meminta nasihat Sultan Bolongan tentang persempadanan untuk melepaskan kawasan utara sempadan (K. J. Goodlet, 1977: 18).

Perjanjian 1824 antara Inggeris-Belanda mengikut pendapat sejarawan telah memberi kebebasan kepada Belanda untuk menguasai bahagian Selatan Borneo namun sesetengah sejarawan mengatakan bahawa Belanda hanya berjaya menguasai kawasan selat sahaja. Mr. A.R.Felck iaitu Gabenor Kolonial Belanda semasa perjanjian 1824 berpuas hati dengan perjanjian tersebut dan menganggapnya sebagai '*gentleman's agreement*' di mana Borneo sepatutnya diletakkan di bawah pengaruh Belanda. Pada tahun 1830 hanya terdapat dua orang Belanda di Borneo iaitu residen di Banjarmasin dan kerani Eropah. Pada tahun 1817, Sultan Banjarmasin telah mengesahkan bahawa seluruh bahagian pantai Timur Borneo dikuasai sepenuhnya oleh pihak Belanda. Aktiviti perniagaan British telah dijalankan di sepanjang pantai bermula sejak tahun 1844 sebelum Belanda mengarahkan Lt. J. Van Capellen membuat perjanjian dengan Bolongan, Gunung Tabor dan Sembakong yang melarang orang Eropah kecuali Belanda mendiami kawasan-kawasan yang terletak di bawah kekuasaan Belanda. Secara tidak langsung, perjanjian ini telah menghalang pihak British berada di kawasan Barat dan Selatan Tanjong Batu di Tawau. Pendek kata, usaha pihak Belanda dan British adalah untuk menguasai kekayaan Borneo (K. J. Goodlet, 1977: 20).

Meninjau asal perkataan 'Tawau', ia sebenarnya diperolehi daripada beberapa kelompok etnik yang mendiami daerah Tawau. Jika bersandarkan kepada bahasa suku kaum Tidong sebagaimana yang dinyatakan oleh Maisuri Kuning, nama bagi Tawau ialah 'Tana Tidong' dimana 'Tana' ditukar menjadi 'Tawau' (K. J. Goodlet, 1977: 28). OKK Sulaiman Abdullah pula menjelaskan bahawa '*Tawau*' atau '*menawau*' merujuk kepada pancing yang digunakan dalam kegiatan menangkap ikan. Pada zaman dahulu, penempatan yang terdapat di kawasan Sabindo merupakan pusat '*menawau*' yang banyak dan penduduknya pada masa itu menjadikan aktiviti tersebut untuk mendapatkan bekalan ikan sama ada untuk keperluan sendiri ataupun untuk dijual. Setelah kedatangan Inggeris, aktiviti tersebut semakin giat dijalankan oleh orang tempatan dan ilham menamakan petempatan ini timbul daripada kegiatan tersebut (Norwahida Yamaluddin, 1997: 7; Nordin Bula, 1998: 15). Jika berpandukan kepada bahasa suku kaum Suluk, Tawau berasal dari nama seekor burung '*Tuwau*'. Manakala sekiranya berpandukan kepada suku kaum Bugis, makna perkataan Tawau membawa maksud 'Tawa'ku' (bahagianku) iaitu sesuai dengan asal mula kedatangan mereka ke Tawau untuk memiliki hak bahagian mereka.

## **Perkembangan Awal Masyarakat Tempatan di Tawau**

Kawasan di antara Merotai dengan Apas tidak didiami oleh mana-mana kelompok etnik sehingga pihak British menguasai kawasan tersebut. Situasi ini disebabkan tidak terdapat sungai-sungai utama dan tidak terdapat kawasan tinggi yang boleh dijadikan kawasan perlindungan daripada serangan lanun. Namun begitu, Tawau mempunyai banyak kebaikan antaranya kawasan laut Tawau dilindungi oleh Batu Tinagat dan Pulau Sebatik. Demikian juga, kapal-kapal yang berlayar menuju ke utara di sepanjang pantai Borneo perlu melalui bahagian timur dari Batu Tinagat sejauh 50km, dengan itu tempat persinggahan yang berhampiran Tinagat menempatkan rumah persinggahan yang sesuai kepada para pelayar sebelum meneruskan perjalanan. Kelebihan ini menjadikan Tawau sesuai didiami terutamanya apabila berlakunya serangan lanun Sulu. Berdasarkan kehadiran lanun-lanun Suluk ini, En. Sulaiman bin Abdullah menyatakan bahawa orang Suluk adalah orang yang pertama menduduki Tawau yang bertujuan untuk mengumpul hasil-hasil hutan (K. J. Goodlet, 1977: 25).

Sehubungan itu, pelbagai pendapat yang dikemukakan mengenai orang yang bertanggungjawab menjumpai Tawau. Juma bin Gadaria menyatakan bahawa orang Tidong merupakan komuniti terawal mendiami Tawau selama beberapa tahun di kawasan Apas, Batu Payung dan Kalabakan. Abdul Rahman bin Habib Shah pula menyatakan bahawa orang Tidong sememangnya lebih awal daripada orang Suluk dan beberapa orang Banjar yang telah dihantar oleh Belanda untuk bekerja di Tawau. Sim Hon Yak pula menyatakan bahawa orang Jawa yang dihantar oleh Belanda adalah komuniti pertama menduduki Tawau namun ada kemungkinan orang Jawa yang dimaksudkannya itu adalah sebenarnya orang Banjar. Adalah dipercayai orang Banjar pertama yang mula sampai di Tawau bernama Saad bin Naib tetapi beliau tidak mengetahui tentang sejarah kedatangan orang Banjar sebelum itu (K. J. Goodlet, 1977: 26).

Maklumat lain tentang penemuan daerah Tawau diperolehi dari OKK Dullah Salim yang merupakan cucu kepada Penghulu Puado iaitu pegawai tempatan pertama yang dilantik oleh British. Puado yang berbangsa Bugis adalah seorang pedagang (peniaga) yang mempunyai rangkaian perniagaan sepanjang pantai timur Borneo dari Banjarmasin ke Sandakan. Puado seringkali berulang-alik kerana menguruskan perniagaannya dan beliau kemudiannya berkahwin dengan wanita Sulu. Apabila tiba di Sandakan, Puado memohon tanah daripada kerajaan British untuk mengusahakan perladangan. Puado ditawarkan sebidang tanah di Tawau dan beliau bersetuju untuk mengusahakan tanah tersebut. OKK Dullah menjelaskan bahawa permohonan tersebut sememangnya dibuat di Sandakan kerana hanya Sandakan sahaja yang mempunyai pusat pentadbiran British ketika itu yang dicatatkan berlaku selepas tahun 1878 apabila Pryer buat pertama kalinya membentuk kuasa pentadbiran. Perjalanan Puado mengambil masa kira-kira sehari semalam untuk



sampai ke Tawau bersama dengan 25 orang yang terdiri daripada kelompok etnik Bugis, Suluk, Tidong dan Bajau.

Mereka menuju ke Tawau Lama di mana kerja-kerja penanaman kelapa mula dijalankan oleh Puado. Pihak Belanda pernah mengunjungi kediaman Puado di Tawau. Pada tahun 1893, Puado diakui sebagai pemimpin tempatan pertama di Tawau yang diiktiraf oleh British. Berdasarkan maklumat ini, maka OKK Dullah dan OKK Suleiman bin Imam Salleh menyatakan bahawa kedatangan kumpulan yang diketuai oleh Puado adalah orang yang bertanggungjawab menjumpai Tawau. Dengan itu, orang yang bertanggungjawab menjumpai Tawau melibatkan sama ada orang Suluk atau orang Tidong atau orang Banjar ataupun sekumpulan pengikut dari beberapa kelompok etnik yang diketuai oleh Puado (K. J. Goodlet, 1977: 27-28). Sememangnya kelompok etnik Banjar, Suluk, Tidong dan Bugis bukan sahaja telah menduduki Tawau sejak zaman Belanda dan British lagi di beberapa kawasan penempatan awal di Tawau, tetapi turut menyumbang kepada pembentukan kelompok etnik majoriti yang mendominasi penduduk Tawau masakini.

### **Pemilihan Tawau sebagai Lokasi Penghijrahan Orang Bugis**

Pertapakan awal masyarakat Bugis di daerah Tawau berpandukan kajian yang dijalankan oleh Nordin Bula (1998) menyatakan Runggu merupakan kawasan Tawau yang mula diteroka oleh orang Bugis yang bernama Wak Kadok pada tahun 1840. Wak Kadok berasal dari keturunan Penghulu O.K.K. Salim di Kampung Sungai Imam, Bombalai. Kemudiannya diikuti oleh kerabat Diraja Bone bernama Petta Senong yang ketika itu bekerja sebagai orang upahan kepada Kerajaan Sulu untuk menghapuskan lanun yang bergerak di perairan Laut Sulu, Borneo. Ini bermakna orang Bugis telahpun meneroka kawasan Tawau dan menjadikan Runggu sebagai salah satu destinasi untuk berulang-alik ke Indonesia sebagai pedagang dan membawa masuk pekerja buruh ke ladang-ladang milik kerajaan British iaitu Ladang Kuhara (1920) dan Ladang Nissan kompeni (1930). Beberapa kawasan baru kemudiannya diteroka oleh orang Bugis termasuk tapak pembangunan bandar Tawau. Antara mereka yang terlibat dalam kerja-kerja penerokaan tersebut ialah Puado (Puang Ado'), Daeng Mappatta, Wak Neke, Wak Gempe dan Haji Osman (Nordin Bula 1998: 14-15).

Bersandarkan kajian K. J. Goodlet (1977), beliau menyatakan orang Bugis mula aktif menggiatkan penanaman kelapa di Tawau apabila Puado iaitu seorang pedagang ditawarkan sebidang tanah di Tawau oleh pihak British. Puado tiba di Tawau bersama dengan 25 orang yang terdiri dari suku Bugis, Suluk, Tidong dan Bajau dan tinggal di kawasan Tawau Lama. Puado bukan sahaja terkenal sebagai seorang pedagang yang mempunyai premis perniagaan di sepanjang pantai timur Borneo dari Banjarmasin sehingga Sandakan, malah beliau merupakan pegawai kerajaan tempatan yang pertama dilantik oleh British. Adalah dipercayai, perlantikan Puado

sebagai pegawai kerajaan disebabkan kerana beliau telah lama tinggal di Tawau sejak di bawah kekuasaan Belanda ketika Tawau belum diserahkan kepada pihak British. Pada tahun 1893, Puado sekali lagi diberi mandat untuk memimpin komuniti Tawau. Ini kerana perkataan komuniti itu pada asasnya merujuk kepada sekumpulan orang yang tinggal bersama dan menyatakan ketaatsetiaan mereka kepada pemimpin yang sama. Pembentukan komuniti awal di Tawau ketika itu memperlihatkan kewujudan masyarakat pelbagai etnik sama seperti wujudnya masyarakat tempatan di Tawau pada hari ini. Komuniti tersebut tidak didominasi oleh satu kelompok etnik tertentu, sebaliknya merupakan warisan keturunan dari rombongan pelbagai suku kaum yang diketuai oleh Puado. Justeru, OKK Dullah B. Salim (cucu Puado) dan OKK Sulaiman B. Imam Salleh menyatakan bahawa kumpulan yang dibawa oleh Puado adalah orang yang bertanggungjawab menjumpai daerah Tawau (K. J. Goodlet, 1977: 26-27).

Penghijrahan pekerja-pekerja luar yang datangnya dari negara jiran Indonesia dan Filipina merupakan faktor utama kepesatan pertumbuhan penduduk Tawau. Dua ladang besar di Tawau iaitu Estet Kuhara yang mengusahakan getah dan pisang lanut (*manila hemp*) dan Kubota Estet untuk tanaman kelapa merupakan pemangkin utama penghijrahan pekerja luar yang berlaku sebelum Sabah mencapai kemerdekaan (Frederick Lo, t.t.: 1). Apabila perusahaan tersebut diberhentikan pada akhir tahun 1960an, ramai di kalangan pekerja tadi terus menetap di Tawau. Penghijrahan gelombang kedua pekerja luar berlaku pada pertengahan tahun 1960an sehingga pertengahan tahun 1980an. Penghijrahan pada pertengahan tahun 1960an berlaku disebabkan pertumbuhan perusahaan pembalakan, sementara penghijrahan dari awal tahun 1970an sehingga pertengahan tahun 1980an disebabkan oleh perladangan koko dan kelapa sawit yang pesat membangun sehingga kini<sup>8</sup> (Temubual Osman Jamal, 13 Mei 2003; *Risalah Perpustakaan Wilayah Tawau*, 1992: 4).

Berdasarkan statistik jabatan perangkaan tahun 2000, penduduk Tawau dianggarkan berjumlah 322,705 orang (*Laporan Jabatan Perangkaan*, 2000: 61). Walau bagaimanapun, jumlah sebenar orang Bugis sukar ditentukan kerana di Sabah mereka dikelaskan kepada tiga kelompok etnik, pertama, orang Melayu sebagaimana kehadiran orang Bugis di Semenanjung Melayu yang kesemuanya berjumlah seramai 32,160 orang; kedua, kelompok Bumiputera lain yang berjumlah seramai 17,297 orang; dan ketiga, kelompok warga asing berjumlah seramai 48,654 orang yang kesemuanya berjumlah seramai 98,051 orang. Namun, bilangan orang Bugis dalam setiap kelompok tersebut tidak dapat dipastikan kerana tidak ada bancian secara tepat dijalankan dalam menentukan bilangan penduduk Bugis yang mendiami daerah Tawau ataupun daerah-daerah lain di Sabah. Di samping kehadiran orang Bugis yang mendominasi daerah Tawau, beberapa kelompok etnik lain turut mewarnai kepelbagaian etnik penduduk Tawau diantaranya ialah Melayu, Bajau, Cina, Tidong, Suluk, Jawa, Buton, Bolongan, Kadazan, Dusun, Bisaya, India, Pakistan, Arab, Murut dan Sungai (*Risalah Perpustakaan Wilayah Tawau*, 1992: 2).

## **Punca Penghijrahan Orang Bugis ke Tawau Sabah**

Masyarakat Bugis mudah beradaptasi dengan persekitaran baru dan menyerap budaya kehidupan masyarakat asal di kawasan yang mereka kunjungi seperti yang berlaku di Johor, Borneo dan Sumatera. Sebagai sebuah masyarakat yang mempunyai kehandalan dalam ilmu pelayaran, masyarakat Bugis dapat bergerak ke seluruh pelusuk rantau Asia Tenggara. Pada umumnya, penghijrahan orang Bugis ke daerah Tawau dan menjadikan daerah ini sebagai lokasi tumpuan utama orang Bugis disumbangkan oleh faktor luaran dan faktor dalaman. Faktor luaran yang mempengaruhi punca penghijrahan orang Bugis ke Tawau disebabkan kerana berlakunya pergolakan politik di tanah air mereka rentetan daripada peristiwa perang Makasar dan pemberontakan Kahar Muzakkar. Manakala, faktor dalaman disumbangkan oleh peluang ekonomi yang terdapat di Tawau sebagai sebuah daerah di Sabah yang pernah menjadi pusat tumpuan kegiatan ekonomi orang Jepun. Di samping itu, hubungan baik yang wujud antara negara Malaysia dan Indonesia turut mempengaruhi kemasukan masyarakat Bugis ke Sabah. Sebagai contoh, pada tahun 1991, kedua-dua negara ini telah menandatangani perjanjian yang mengiktiraf daerah Tawau dan kota Pare-Pare di wilayah Sulawesi Selatan sebagai Kota Kembar.

## **Perang Makasar**

Pergolakan politik akibat daripada berlakunya Perang Makasar menjadi titik awal bermulanya penghijrahan orang Bugis keluar daripada Sulawesi Selatan. Pada pertengahan abad ke-17, Gowa menjadi salah satu kerajaan terkuat dan terbesar dalam sejarah Nusantara. Begitu tersohornya kekuatan dan kekayaan kerajaan Gowa sehingga orang-orang di Indonesia Timur sukar mempercayai bahawa VOC berani menentang kekuasaan Gowa. Namun kerjasama yang tidak disangka-sangka antara VOC dengan orang Bugis yang merupakan musuh Gowa, mengakibatkan kerajaan Gowa tumpas ditangan pakatan bersekutu. Pada tahun 1669, Sombaopu, iaitu benteng ibu kota kerajaan Gowa yang sangat kuat dan menjadi simbol kepada kemegahan kerajaan Gowa, jatuh ke tangan musuh. Setelah tumpasnya Gowa, pemimpin baru yang menerajui tampuk kekuasaan di Sulawesi ialah Arung Palakka iaitu pahlawan Bugis Bone-Soppeng yang berjaya mendominasi kekuasaan wilayah Sulawesi. Sememangnya kesan pergolakan di Sulawesi Selatan yang melibatkan pihak Belanda dengan kerajaan tempatan telah memberi implikasi terhadap imigrasi besar-besaran yang berlaku pada akhir abad ke-17 (Leonard Andaya, 2004: 4).

Memuncaknya permusuhan antara Gowa dengan Bone dan meningkatnya ketegangan antara VOC dengan Gowa telah menyumbang kepada terjadinya Perang Makasar. Perang Makasar telah meninggalkan kesan terhadap perkembangan tahun-tahun berikutnya iaitu pertama, keberanian Arung Palakka yang digambarkan sebagai satu lagenda pada masa itu dan kedua, pertikaian pendapat yang serius di kalangan bangsawan kerajaan Gowa-Tallo antara kelompok yang menginginkan peperangan

dengan kelompok yang menginginkan perdamaian, yang kemudiannya menyebabkan berlakunya pembelotan dari kalangan pemimpin berpengaruh kerajaan tersebut. Pada November 1667, Perjanjian Bungaya ditandatangani oleh pihak yang berperang untuk mengakhiri peperangan yang berlaku (Leonard Andaya, 2004: 9). Pembahagian kuasa antara Arung Palakka dengan VOC telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan masyarakat tempatan. Mereka lalu melancarkan pemberontakan namun tidak berjaya. Kesan daripada kegagalan ini, menyebabkan berlakunya imigrasi besar-besaran dari Sulawesi Selatan.

Pada akhir tahun 1670, kota Tosara hancur sehingga mengakibatkan keruntuhan kerajaan Bugis Wajo. Situasi ini telah menambahkan peningkatan arus penghijrahan di kalangan masyarakat Sulawesi Selatan. Perantauan orang Bugis Wajo selepas tahun 1670 ternyata mencatatkan bilangan yang lebih besar jika dibandingkan dengan kelompok lain di negeri-negeri lain di Makasar. Fenomena penghijrahan ini telah menyebabkan perubahan jumlah penduduk di Sulawesi Selatan. Pada kelazimannya, penghijrahan masyarakat Sulawesi Selatan disebabkan berlakunya penindasan dan kezaliman dari pihak pemerintah serta inginkan kebebasan dari cengkaman tersebut. Mereka akan berhijrah menuju ke kawasan-kawasan yang menjadi tempat kediaman saudara-mara mereka ataupun menjadi penghuni di kawasan yang tidak pernah dihuni oleh masyarakat lain; ataupun beradaptasi dengan masyarakat tempatan lain; atau bertindak mengikut citra budaya dan identiti budaya mereka sendiri. Terdapat perbezaan dalam imigrasi orang Bugis pada akhir abad ke-17 di mana mereka kebanyakannya dipimpin oleh orang bangsawan yang turut diiringi oleh para pengikut yang besar jumlahnya. Mereka meninggalkan Sulawesi kerana tidak dapat menerima perubahan politik dan sosial yang dipaksakan oleh Arung Palakka, Belanda dan sebahagian dari kalangan pemimpin Gowa dan Wajo. Bagi orang Wajo dan Gowa, mereka meninggalkan Sulawesi bukan bermaksud mereka 'melarikan diri'. Sebaliknya bertujuan untuk mencari sekutu di seberang lautan yang boleh membantu merebut semula negeri mereka. Pakatan sekutu yang diperlukan dari kawasan yang mereka kunjungi ialah dari kawasan Banten, Mataram, Madura, Jambi, Palembang, Aceh, Johor dan Ayutthaya (Siam) (Andi Zainal Abidin, 1999: 206).

### **Pemberontakan Kahar Muzakkar**

Fenomena penghijrahan beramai-ramai orang Bugis ke Tawau, Sabah berlaku setelah negara Indonesia mencapai kemerdekaan. Punca utama penghijrahan besar-besaran orang Bugis disebabkan teretusnya perang saudara di bawah pimpinan Kahar Muzakkar yang berjuang untuk menegakkan 'Republik Islam Indonesia'. Kahar Muzakkar yang melarikan diri ke Jawa telah membentuk sekumpulan penentang dari kalangan golongan muda bersama dengan golongan pemuda dari wilayah lain yang berjuang menentang tentera Belanda. Salah satu daripada kumpulan penentang ini ialah Tentera Republik Indonesia (*Indonesian Republican Army*) yang berjuang

untuk membuat persediaan ke arah pembebasan Sulawesi (*Preparations of the Liberations of Sulawesi / TRIPS*). Kahar Muzakkar yang merupakan seorang pemuda yang berasal dari daerah Luwu' membentuk sebuah kumpulan penentang di Sulawesi yang dilengkapi dengan senjata, tentera terlatih seperti dua orang general Tentera Nasional Indonesia iaitu Andi' Mattalata dan Yusuf. Pihak penguasa Belanda melantik Kapten Westerling untuk mengawal kemaraan TRIPS dengan cara membangkitkan kemarahan penduduk tempatan untuk mengutuk dan mengecam perbuatan pengikut TRIPS, membunuh tawanan, melaksanakan pembunuhan beramai-ramai untuk mengancam orang-orang kampung (Pelras, 1996: 282).

Pada tahun 1949, Kahar Muzakar disabitkan kesalahan atas mengetuai unit gerila sehingga terbentuknya Penyatuan Gerila Sulawesi Selatan (KGSS). Pada bulan Disember 1949, pihak Belanda mengiktiraf kemerdekaan Indonesia tetapi hanya dalam ruang lingkup perlembagaan persekutuan dan penyatuan Belanda-Indonesia. Di antara tahun 1950-1965, jangka masa ini dianggap sebagai situasi yang menggemparkan dalam sejarah Sulawesi Selatan apabila seramai 15,000 gerila mengadakan pemberontakan yang turut disertai oleh Kahar Muzakkar. Pemberontakan gerila bermula apabila permintaan mereka untuk menubuhkan kumpulan tentera secara berasingan yang terpisah daripada tentera Indonesia yang bernaung di bawah 'Hasanuddin Brigade'. Pihak gerila mula bertindak merosakkan jalan raya dan beberapa kemudahan lain. Tindakan gerila ini mendapat pembalasan tentera Indonesia dengan mengepung markas tentera gerila. Pada bulan Mac 1951, satu rundingan dan perbincangan diadakan dan kesepakatan dipersetujui dengan membenarkan pihak gerila menyertai *National Reserve Corps* (askar simpanan). Namun, salah faham mula wujud apabila pihak tentera menyingkirkan dua pertiga calon tentera kerana mereka ingin membentuk kumpulan tentera yang baru seperti batalion Pare-Pare di bawah pimpinan Andi Selle's Bau Massepe dan bukannya dari bekas gerila di bawah pimpinan Kahar Muzakkar. Majlis pelancaran diadakan pada 17hb Ogos 1951 di lapangan Karebosi Makasar, namun Kahar Muzakkar bersama bala tenteranya gagal menonjolkan diri kerana mereka berlatih di hutan. Namun menurut Kahar Muzakkar, ketidakhadiran mereka disebabkan pihak tentera tidak menunaikan janji mereka dengan pihak gerila (Pelras, 1996: 283).

Situasi di Sulawesi 55 termasuk di Jawa Barat yang dikenali sebagai pemberontakan Daru'I Islam (DI). Pada tahun 1952, Kahar Muzakkar menerima tawaran dari ketua Daru'I Islam, Kartosuwirjo yang melantik beliau sebagai Komander Divisyen ke-4 Tentera Islam Indonesia (TII). Bermula pada tahun 1953, pihak Daru'I Islam mengutip cukai atas nama Negara Republik Islam Indonesia dan melaksanakan undang-undang syariah di wilayah Sulawesi Selatan termasuk Makasar, Bugis, Ma'senrempulu' dan Mandar.

Atas sebab ketegangan yang berlaku, ramai orang Bugis melarikan diri menuju ke Estet *BAL (Borneo Abaca Limited)* di daerah Tawau yang dimiliki oleh pihak

British. Estet ini mengusahakan ladang getah dan pisang lanut. Kedatangan orang Bugis ke Tawau pada era pasca-merdeka, menyumbang kepada pembukaan kampung-kampung baru yang berhampiran dengan bandar Tawau seperti Kampung Pasir Putih, Kampung Batu 2, Kampung Icebox, Kampung Tanjung Batu, Kampung Hill Top dan beberapa buah kampung lain. Bahkan pada hari ini kita lihat ramai dari kalangan orang Bugis melibatkan diri dalam bidang perusahaan seperti perusahaan bas, ayam, lori dan sebagainya. Nama-nama seperti Syamsul Alang, Andi Tendreng, Tahir Picco adalah antara penyumbang utama sektor perusahaan di Tawau. Perkembangan ini disebarkan dengan kemunculan generasi muda pasca-merdeka yang memenuhi kekosongan jawatan dalam bidang profesional sama ada di sektor awam ataupun sektor swasta seperti Rahim Tonda, Musar Rafiq Pattawe, Hamrin Pattawe, Dr. Pattawari Pattawe, Dr. Timang Paturusi, En. Osman Jamal dan beberapa nama-nama lain. Demikian juga dengan kemunculan ahli-ahli politik sejak zaman politik parti USNO (*United Sabah Nasional Organization*) seperti Senang Karengkang, Lasuki Marola dan Salim Bacho (Temu bual Andi Linge, 25 November 2003).

### **Tawau sebagai Pusat Kegiatan Ekonomi**

Kedatangan orang Bugis pada masa kini lebih dipengaruhi oleh faktor ekonomi. Perkembangan dan kemajuan yang pesat dalam ekonomi negara kini telah mendorong kemasukan ramai warga asing. Keadaan yang sama juga telah mempengaruhi kedatangan masyarakat Bugis ke Tawau, Sabah. Tawau sebagai sebuah bandar kecil yang terletak di pantai Timur Sabah menjadi pusat kegiatan ekonomi orang Jepun yang penting sebelum Perang Dunia Kedua. Antara kegiatan ekonomi yang dijalankan ketika itu ialah perladangan getah, kelapa dan pisang lanut, pengeluaran perikanan dan pembalakan. Sebelum Perang Dunia Kedua, pantai Timur Sabah merupakan satu pusat penumpuan kegiatan perdagangan dan perladangan. Selain Sandakan yang menjadi pusat pentadbiran dan perdagangan, bandar Tawau tidak kurang pentingnya sebagai bandar pelabuhan dan perladangan (Sabihah Osman, 2000: 32).

Malah Tawau sebelum Perang Dunia Kedua adalah sebuah pelabuhan penting di Sabah. Kedudukannya yang bersempadankan perbatasan Borneo British dan Borneo Belanda ketika itu berjaya menarik bukan saja kapal dagang yang berulang alik dari bandar-bandar pelabuhan Sandakan, Tarakan dan Sulawesi, malahan juga berhasil memberikan khidmat mengurus dan memperbaiki kapal dari Jepun ke pelabuhan-pelabuhan di Jawa seperti kapal-kapal Nanyo Kaiuru Kabushiko Kaisha yang bermuatan antara 3,000 hingga 5,000 ton. Selain mempunyai pelabuhan yang baik, Tawau juga terkenal sebagai sebuah lembah yang subur kerana tanahnya yang kaya dengan lava gunung berapi yang dijumpai di beberapa kawasan di Tawau. Maka tidak hairan sekiranya daerah Tawau menjadi lokasi utama yang sesuai untuk

pembangunan pertanian. Ini dapat dilihat apabila beberapa kawasan ladang getah, koko, palma dan yang terkini kelapa sawit sehingga menarik perhatian pelabur dalam sektor perladangan. Kedua-dua gergasi bisnes Jepun, Kuhara (Nissan) dan Kubota (Mitsubishi) membuka ladang getah, kelapa dan pisang lanut di Tawau sejak tahun 1916 (Sabihah Osman, 2000: 33).

Syarikat Mitsubishi mula giat melibatkan diri apabila seorang Jepun yang bernama Uneme Kubota mendapat sebanyak 200 ekar tanah di Tawau pada tahun 1916. Ladang ini dikenali dengan nama Kubota Estate. Pada awalnya ladang ini ditanami kelapa dan kemudiannya dikembangkan dengan penanaman pisang lanut. Apabila Uneme Kubota meninggal dunia, nama Kubota Estate digantikan dengan nama Tawau Estate Limited pada Disember 1917. Ladang ini dibiayai oleh Koyata Iwasaki, pemilik kumpulan Mitsubishi dan perkembangan ladang berterusan sehingga tahun 1940. Selain sektor perladangan, kedua-dua Syarikat Jepun yang menguasai kegiatan ekonomi di Tawau turut aktif dalam sektor pembalakan. Kedua-dua syarikat ini diberi hak konsesi oleh Pemerintah Syarikat Berpiagam untuk mengeksport sebarang hasil balak dari ladang kepunyaan mereka. Perkembangan ini tidak menjejaskan hak *British North Borneo Timber Company* (BBTC) (Sabihah Osman, 2000: 37).

Projek perikanan turut diusahakan oleh individu Jepun yang bernama Ichiji Orita yang menubuhkan Syarikat Perikanan Borneo (*Borneo Fishing Company*) di Tawau yang berpangkalan di Pulau Si Amil. Syarikat ini kemudiannya diambil alih secara rasmi oleh Nissan Konzern pada Disember 1933. Ini bermakna pada ketika itu Syarikat Nissan memiliki bukan sahaja ladang getah yang terletak di bawah nama Nihon Sangyo Gomu Kabushiki Kaisha (*Nihon Industry Company*), malah juga syarikat perikanan di bawah nama Syarikat Perikanan Jepun di Tawau. Pada tahun 1934, syarikat ini berjaya mengeluarkan hasil ikan kering dan ikan-ikan salai dengan hasil keuntungan yang tinggi. Pada tahun 1938, penghasilan syarikat semakin meningkat apabila berjaya menghasilkan ikan tuna dalam tin. Namun, syarikat ini mengalami kerugian besar apabila pangkalannya di Pulau Si Amil terbakar pada 28 Januari 1941 (Sabihah Osman, 2000: 35).

Kewujudan dan kejayaan kedua-dua syarikat besar Jepun dalam bidang perladangan dan pembalakan serta perikanan telah memberi laluan kepada kemasukan imigran Jepun dan imigran dari negara jiran seperti Indonesia dan Filipina yang bukan sahaja terlibat sebagai petani atau peladang tetapi juga berperanan sebagai pelabur, pekedai dan pembalak di Tawau. Kehadiran mereka berjaya membangunkan Tawau sebagai pusat pertanian, perdagangan dan pembalakan terpenting di Sabah. Pada masa pendudukan Jepun di Sabah, kedua-dua syarikat besar ini telah mengambilalih kesemua pengurusan harta tanah syarikat British dan syarikat Jepun. Pengendalian dibuat bagi pihak pemerintah tentera Jepun. Pada masa itu lebih ramai pekerja-pekerja tempatan diupah bekerja di ladang-ladang. Pada

masa yang sama, Pemerintah Tentera Jepun memaksa penduduk tempatan menanam padi, ubi kayu, sayur-sayuran dan buah-buahan. Apabila perang tamat dan Jepun menyerah kalah, maka segala usaha dan kegiatan kedua-dua syarikat tadi musnah dan orang Jepun kehilangan segala-galanya. Yang tinggal hanya warisan nama Kuhara dan Kubota, pokok getah, kelapa dan pisang lanut. Ladang-ladang itu diambilalih dan diuruskan oleh *Colonial Development Corporation* (CDC) dan Syarikat *Harrissons & Crossfields* pada tahun 1951. Dengan pengambil alihan ini, maka kesannya penyertaan masyarakat tempatan tidak lagi terhad kepada kegiatan ekonomi sara diri semata-mata seperti menanam padi sawah dan huma tetapi turut menganggotai angkatan buruh ladang dan kilang yang bergaji (Sabihah Osman, 2000: 41).

Menjelang tahun 90an, Tawau muncul sebagai salah sebuah pusat perlombongan arang batu yang terbesar di kawasan Asia Tenggara. Perusahaan tersebut diusahakan oleh Syarikat Arang Batu Cowie Harbour di kawasan Silimpocon. Dengan adanya kawasan perlombongan ini, pembangunan mula dijalankan di Tawau yang dimulai dengan pembinaan landasan keretapi yang menghala ke kawasan pelabuhan untuk tujuan mengeksport bahan mentah sehingga menarik beberapa pengusaha tanaman getah di kawasan itu. Pada tahun 1919, apabila pembinaan dermaga di pelabuhan Tawau siap dibina, pelbagai perkhidmatan perkapalan disediakan sehingga menarik lebih banyak kapal terutamanya dari Kobe dan Moji, Jepun, Hong Kong, Jakarta dan sebagainya (Norwahida Yamaluddin, 1997: 7).

## Kesimpulan

Orang Bugis disifatkan sebagai satu kelompok etnik yang mudah beradaptasi dan terbuka dengan persekitaran tempatan yang dikunjungi. Situasi ini telah menjadikan oleh Bugis memilih kawasan rantau Alam Melayu sebagai lokasi penghijrahan demi meneruskan kelangsungan hidup yang lebih baik. Penghijrahan orang Bugis ke beberapa kawasan wilayah Nusantara memperlihatkan punca yang hampir serupa dengan penghijrahan orang Bugis di daerah Tawau, Sabah. Punca utama penghijrahan orang Bugis ke rantau Alam Melayu termasuk daerah Tawau adalah disebabkan kerana berlakunya pergolakan politik di tanah air mereka (Sulawesi Selatan) rentetan daripada peristiwa perang Makasar dan pemberontakan Kahar Muzakkar. Namun begitu, punca utama pemilihan Tawau sebagai lokasi penghijrahan orang Bugis pada zaman pasca-merdeka Indonesia adalah disumbangkan oleh faktor ekonomi di mana Tawau pernah menjadi pusat kegiatan ekonomi orang Jepun. Daerah Tawau menjadi tumpuan penghijrahan orang Bugis yang mula aktif menggiatkan penanaman kelapa di mana Runggu merupakan kawasan Tawau yang mula diteroka oleh orang Bugis yang bernama Wak Kadok ataupun mungkin orang yang sama yang bernama Puado pada tahun 1840. Kepesatan pertumbuhan penduduk Tawau yang didominasi oleh orang Bugis berlaku apabila dua ladang besar di Tawau iaitu



Estet Kuhara yang mengusahakan getah dan pisang lanut (*manila hemp*) dan Kubota Estet untuk tanaman kelapa berkembang menjadi sumber kegiatan ekonomi di kawasan pantai timur Sabah. Selaras dengan perkembangan ekonomi semasa, orang Bugis tidak hanya tertumpu kepada perusahaan ladang semata-mata, tetapi turut giat dalam menceburi bidang perusahaan lain seperti pengangkutan bas dan teksi, penternakan ayam bahkan turut terlibat dalam sektor perkhidmatan awam dan swasta. Sememangnya boleh dikatakan bahawa penghijrahan bagi orang Bugis tidak hanya terhenti dan tertumpu di daerah Tawau sahaja, tetapi ia sebenarnya menjadi batu loncatan dan titik awal dalam meneruskan penghijrahan ke beberapa daerah lain di Sabah.

### Bibliografi

- Andaya, Leonard, 2004. *Warisan Arung Palakka Sejarah Sulawesi Selatan Abad ke-17*. (terjemahan) Nurhady Sirimorok. Makasar: Penerbit ININNAWA.
- Andaya, Leonard, 1995. The Bugis-Makassar Diasporas. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (MBRAS)*. Volume LXVIII. Part 1.
- Andi Zainal Abidin, 1999. *Capita Selecta Sejarah Sulawesi Selatan*. Ujung Pandang: Hasanuddin University Press.
- Frederick Lo, t.t., Early History of Tawau. *Risalah Arkib Negeri Sabah*.
- Gene Ammarell, 2002. Bugis Migration and Modes of Adaptation to Local Situations. *Ethnology*. Vol. 41, Issue 1, 51-67.
- Goodlet, K. J., 1977. *The Origin and Early Development of The Tawau Community. 1880-1942*. Tesis Sarjana Universiti Sydney, Australia (Tidak Diterbitkan).
- Halilintar Lathief, 2003. Bissu: Imam yang Menghibur. (Dlm). Nurhayati Rahman (et al.). *La Galigo Menelusuri Jejak Warisan Sastra Dunia*. Makassar: Universitas Hasanuddin.
- Laporan Penduduk Negeri Sabah*, 2000. Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia. Jabatan Perangkaan. Kuala Lumpur.
- Mohd. Akbal Abdullah dan Abdullah Sulaiman, 2005. Kertas kerja "Pemelayuan: Pengalaman Etnik Bugis di Johor Berdasarkan Naskhah-Naskhah Sejarah Tradisional Melayu di Johor", *Seminar Za'ba Mengenai Alam Melayu II*. Anjuran Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia. 22-24 Februari.
- Nordin Bula, 1998. *Penglibatan Politik Suku Kaum Bugis: Satu Kajian di N. 46, Merotai Tawau*. Kertas Projek Penyelidikan. Universiti Sains Malaysia. (Tidak Diterbitkan).
- Norwahida Yamaluddin, 1997. "Tawau asalnya tempat menangkap ikan". *Harian Mercuri* 17 Ogos.

Pelras, Christian, 1996. *The Bugis*. Oxford: Blackwell Publishers.

*Risalah Perpustakaan Wilayah Tawau* t.t. 7

Sabihah Osman, 2000. Tawau: Pusat Kegiatan Ekonomi Orang Jepun. (Dlm). Abdul Halim Ali, Ishak Shari, Habibah Ahmad, Er Ah Choy (ed.). Sabah dalam Perluasan Pasaran. Bangi: Penerbit UKM.

Syamsul Rijal Yahaya, 2005. Kertas kerja "Persepsi Terhadap Orang Bugis-Makasar". *Seminar Za'ba Mengenai Alam Melayu II*. Anjuran Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia. 22-24 Februari.

Temu bual bersama Encik Andi Linge' Abdulah, 25 November 2003, di Jalan Habib Abdul Rahman, Batu 2, Jalan Apas, Tawau, Sabah.

Temu bual bersama En. Osman Jamal, 13 Mei 2003, di Kota Kinabalu, Sabah.